

11 NOV 2003

Konrad-Abdullah/I

MAJLIS GEREJA SEDUNIA UCAP TAHNIAH KEPADA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Majlis Gereja Sedunia hari ini menyampaikan salam dan ucapan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengambil alih kepimpinan selaku Perdana Menteri Malaysia.

Setiausaha Agungnya Dr Konrad Raiser berkata Abdullah merupakan sebahagian daripada kepimpinan politik Malaysia dan berkhidmat sebagai Menteri Luar selama beberapa tahun.

"Oleh itu, saya berkeyakinan bahawa tuan akan dapat memimpin negara dengan baik dalam merealisasikan matlamat Malaysia ke arah negara maju di bawah Wawasan 2020," katanya menerusi e-mail dari Geneva kepada Bernama.

Dr Raiser berkata Majlis Gereja Sedunia telah mengikuti perkembangan di Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan dan mengekalkan hubungan erat dengan gereja serta Majlis Gereja-gereja di Malaysia.

"Pada hakikatnya, saya telah berpeluang bertemu bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, semasa lawatan rasmi saya yang terakhir ke Malaysia pada November 2000, iaitu suatu pengalaman yang sungguh menggalakkan," katanya.

Beliau berkata sejak mencapai kemerdekaan pada 1957, Malaysia kini sudah mencapai tahap sebuah ekonomi perindustrian di bawah kepimpinan pemimpin terdahulu.

Dr Raiser berkata pada masa kebimbangan sedang melanda beberapa negara Asia berkaitan peningkatan trend kumpulan radikal agama yang menggugat keamanan dan kestabilan, namun Malaysia telah mengambil pendirian tegas dalam menentang kegiatan itu.

"Saya yakin asas yang kukuh dalam keagamaan akan membantu menyuburkan suasana harmoni dalam beragama dan sikap toleransi di Malaysia dalam tahun-tahun mendatang," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SSA SSA ROS